

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PELANCARAN BUKU JEJAK TIGA DEKAD BELIA MELAKA
KARYA TYT TUN CANSELOR UTeM**

30 Ogos 2022, Selasa, 10.30 pagi

Auditorium Canselori

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera




**Yang Amat Dikasihi, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia
(Dr.) Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam,**
Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Sempena pagi yang penuh barakah ini, saya mewakili seluruh
warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka mengucapkan,

setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun kerana sudi meluangkan masa untuk hadir ke program pada hari ini.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor, mohon diizinkan saya untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin yang saya hormati.



SALUTASI

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin

Md Ali

Ketua Menteri Melaka



Yang Berhormat Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin


Exco Pendidikan dan Teknologi Negeri Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Yang Berbahagia Datuk Seri Jamil bin Salleh

Pengerusi Yayasan Canselor UTeM

Pegawai Kanan Universiti, Barisan Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM, Rakan Media, hadirin yang dihormati sekalian.

- 
1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita berjumpa pada pagi 30 Ogos ini, bagi menjayakan Program Pelancaran Buku Jejak Tiga Dekad Belia Melaka hasil karya istimewa Tun Canselor yang dikasihi, Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Dr. Haji Mohd Ali bin Mohd Rustam.

2. Saya mewakili seluruh warga Universiti amat menyanjung tinggi dan berbangga dengan Tuan Yang Terutama Tun, kerana di sebalik kesibukan Tun dalam memimpin kemakmuran Negeri Melaka dan memastikan kecemerlangan UTeM, Tun tetap berkesempatan menghasilkan karya cetusan ilham tersendiri yang bakal dilancarkan pada hari ini. Pelancaran karya ini juga begitu istimewa kerana pelancarannya diadakan pada ambang kemerdekaan negara, iaitu pada hari ini.

3. 31 Ogos 2022, negara tercinta kita, Malaysia bakal meraikan hari kemerdekaan yang ke 65 tahun, dengan tema **Keluarga Malaysia, Teguh Bersama**. Dalam konteks ini, belia merupakan sebahagian daripada keluarga Malaysia yang berperanan penting sebagai pewaris kepimpinan masa depan negara.

4. Saya yakin, dengan penerbitan Buku Jejak Tiga Dekad Belia Melaka ini, pastinya kumpulan belia khususnya belia di Melaka akan beroleh semangat, motivasi dan inspirasi yang memuncak terutamanya dalam mengharungi cabaran dalam kehidupan yang semakin kompleks pada masa kini.


Tuan Yang Terutama Tun, dan hadirin sekalian.

5. Seiring dengan sambutan kemerdekaan negara yang bakal disambut di seluruh negara esok, UTeM juga tidak ketinggalan menganjurkan pelbagai program bersifat patriotisme bagi memupuk perpaduan yang tegar di kalangan semua warga Universiti dan masyarakat setempat.
6. Sebagai makluman Tuan Yang Terutama Tun, sebelum majlis pelancaran ini berlangsung, satu forum kemerdekaan yang mengupas isu masyarakat di era millennial dengan

topik memaknakan kemerdekaan dalam kalangan belia telah dianjurkan. Saya amat yakin, berbekalkan perkongsian pengalaman dari para panel merentasi generasi, yang terdiri daripada Yang Berhormat Senator Datuk Mohd Ridhwan bin Mohd Ali, Tan Sri Profesor Datuk Wira Abdul Latif bin Abu Bakar dan Saudara Muhammad Amri Hakimi bin Alias, para peserta forum pastinya telah mendapat sesuatu pengalaman dan ilmu baharu malah nasihat yang begitu berharga dalam menterjemahkan erti kemerdekaan sebenar dalam perspektif era kini.

7. Pada sebelah petang ini pula, akan dianjurkan Kayuhan Kemerdekaan bersama Tuan Yang Terutama Tun Canselor ke kawasan sekitar Kampung Bukit Tambun sejauh 3 kilometer. Dalam program ini, Tun Canselor juga akan turut menyantuni komuniti golongan B40 dan akan menyerahkan bantuan food bank kepada beberapa kumpulan masyarakat yang terpilih.
8. Seterusnya pada 1 September pula, bakal diadakan kayuhan basikal dengan jarak sejauh 140 kilometer, melibatkan lapan (8) IPT sekitar Melaka iaitu bermula dari Dataran Canselor

UTeM menuju ke Universiti Kuala Lumpur (UNIKL MICET), Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Lendu, Universiti Melaka (UNIMEL), Open University Malaysia (OUM), Universiti Multimedia (MMU) dan Universiti Geomatika Malaysia (UGM).

- 
9. Saya percaya program seumpama ini dapat mencorakkan dan membangkitkan semangat patriotisme di kalangan para peserta selain melonjakkan imej dan visibiliti UTeM menerusi program menyantuni komuniti setempat yang turut dianjurkan bersama.

10. Diharapkan juga aktiviti-aktiviti seperti ini mampu memberikan nilai positif dalam diri kita semua selain mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan warga UTeM sebagai satu keluarga UTeM serta menjalin kemesraan kita bersama masyarakat setempat.

Tuan Yang Terutama Tun, dan hadirin sekalian.

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri khususnya kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama


Haji Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka dan Yang Berhormat Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, Exco Pendidikan dan Teknologi Melaka yang sentiasa memberikan sokongan padu dan kerjasama berterusan kepada UTeM. Tanpa sokongan dan dukungan dari pihak Kerajaan Negeri dan semua pihak, pastinya UTeM tidak mampu berada di aras kecemerlangan hari ini.

Tuan Yang Terutama Tun Canselor,

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Sekian sahaja ucapan saya. Akhir kata, sekali lagi saya ingin menjunjung kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang

Terutama Tun Canselor atas kesudian hadir dan bersama-sama kami pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun Canselor begitu besar ertinya buat kami semua.



Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.